

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 JLD.(4)/(113)

Tarikh : 30 Jun 2020


Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Mayor Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu
Presiden Majlis Perbandaran Tawau
Presiden Majlis Perbandaran Sandakan
Pengarah Pejabat Perhubungan Kerajaan Sabah
Semua Ketua Kuasa Tempatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.8/2020 PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2020

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai
Pengawal:-



1.1. Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2020 akan ditutup pada **15 Januari 2021** dan dilaksanakan berperingkat seperti berikut:

Akaun Disember 2020 : 05 Januari 2021 (Selasa)

Akaun Disember 2020 (Akhir) : 15 Januari 2021 (Jumaat)

1.2. Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2020 oleh Kementerian, Jabatan, Pejabat atau Pusat Tanggungjawab kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun Kewangan 2020.

1.3. Tatacara penyediaan bagi penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun Kewangan 2020 agar dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

2. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

2.1. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan segala urusan terimaan, pembayaran dan pelarasan tahun 2020 dilaksanakan mengikut peraturan dan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.2. Mengambil inisiatif agar tidak menghantar baucar pada hari terakhir penerimaan baucar di Ibu Pejabat Bendahari Negeri. Adalah diingatkan bahawa tidak ada jaminan baucar bayaran yang dihantar pada hari terakhir penerimaan dokumen.

- 2.3. Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/bekalan yang diterima dalam tahun 2020 tetapi tidak mengemukakan bayaran sebelum tarikh yang ditetapkan, bayaran perlu dicaj kepada vot tahun 2021. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas dibawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan.
- 2.4. Pejabat/Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan peruntukan adalah mencukupi sebelum menyediakan arahan pembayaran atau bayaran baucar pelarasan. **Sekiranya peruntukan tidak mencukupi**, permohonan **peruntukan tambahan** atau **pindah peruntukan** hendaklah dibuat dengan segera.

3. PERKARA PENTING PERLU DIAMBIL PERHATIAN

3.1. JADUAL TARIKH PENERIMAAN BAUCAR

- 3.1.1. LAMPIRAN A1 - IBU PEJABAT JABATAN BENDAHARI NEGERI (JBNS)
- 3.1.2. LAMPIRAN A2 - PEJABAT JABATAN MENGAKAUN SENDIRI (JMS)
- 3.1.3. LAMPIRAN A3 - PEJABAT CAWANGAN JABATAN BENDAHARI NEGERI (BD) DAN PEJABAT PERHUBUNGAN KERAJAAN NEGERI SABAH (SLU)

3.2. JADUAL TARIKH PENERIMAAN DOKUMEN

- 3.2.1. LAMPIRAN B1 & B2 - IBU PEJABAT JABATAN BENDAHARI NEGERI (JBNS)
- 3.2.2. LAMPIRAN B3 - PEJABAT JABATAN MENGAKAUN SENDIRI (JMS)
- 3.2.3. LAMPIRAN B4 - PEJABAT CAWANGAN JABATAN BENDAHARI NEGERI (BD)